

PROGRAM GEMPUR KECEMERLANGAN

NEGERI PERLIS

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

PRINSIP PERAKAUNAN

Tingkatan 5

Kertas 1

1 1/4 jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **22** halaman bercetak.

- 1 Apakah susunan yang betul bagi kitaran perakaunan?
- A Dokumen Sumber - Lejar - Buku Catatan Pertama - Penyata Kewangan - Pelarasan
B Buku Catatan Pertama - Dokumen Sumber - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan
C Dokumen Sumber - Buku Catatan Pertama - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan
D Buku Catatan Pertama - Lejar - Pelarasan - Penyata Kewangan - Dokumen Sumber
- 2 Perniagaan Yudy telah merekodkan sewa RM300 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk sewa belum bayar sebanyak RM100.
Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?
- A Ketekalan
B Prinsip kos
C Entiti berasingan
D Pengiktirafan hasil dan belanja
- 3 Manakah belanja operasi sebuah perniagaan?
- A Rugi atas pelupusan aset
B Faedah atas pinjaman
C Promosi
D Dividen
- 4 Apakah tujuan pembekal menghantar penyata akaun kepada pelanggan?
- A Memaklumkan bahawa sejumlah amaun telah ditambah ke dalam akaunnya
B Menyenaraikan semua urusan niaga yang dibuat melalui bank
C Mengingatkan baki hutang yang perlu dijelaskan
D Mengetahui jumlah baki sebenar akaun bank
- 5 Manakah padanan yang betul bagi dokumen perniagaan dan urusan niaganya?

	Dokumen Perniagaan	Urus Niaga
A	Invois	Belian secara kredit
B	Keratan cek	Bukti penerimaan tunai
C	Nota debit	Pulangan barang niaga
D	Bil tunai	Penerimaan diskaun tunai

- 6 Berikut adalah catatan dalam Jurnal Am Kedai Glamping Voltra.

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2025 Dis 2	Promosi Belian (Ambilan sebuah khemah untuk tujuan promosi)	RM 1 250	RM 1 250

Apakah catatan dalam lejar?

A

Akaun Promosi		
		RM
	Promosi	1 250

Akaun Belian		
	RM	
Belian	1 250	

B

Akaun Promosi		
	RM	
Promosi	1 250	

Akaun Belian		
		RM
	Belian	1 250

C

Akaun Promosi		
	RM	
Belian	1 250	

Akaun Belian		
		RM
	Promosi	1 250

D

Akaun Promosi		
		RM
	Belian	1 250

Akaun Belian		
	RM	
Ambilan	1 250	

- 7 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

	RM
Jumlah penerimaan	250
Jumlah pembayaran	110
Baki akhir	140

Berapakah jumlah rekupmen?

- A RM140
B RM110
C RM250
D RM360
- 8 Urus niaga berikut berlaku dalam perniagaan Encik Hadith.

Encik Hadith mengambil barang niaga bernilai RM300 daripada perniagaannya untuk kegunaan peribadi.

Apakah catatan bergu bagi urus niaga tersebut?

A

Debit	Akaun Tunai
Kredit	Akaun Inventori

B

Debit	Akaun Tunai
Kredit	Akaun Belian

C

Debit	Akaun Ambilan
Kredit	Akaun Tunai

D

Debit	Akaun Ambilan
Kredit	Akaun Belian

- 9 Encik Rafzan telah mengambil barang niaga bernilai RM500 untuk tujuan promosi kedainya. Apakah akaun yang akan didebitkan?
- A Belian
B Promosi
C Ambilan
D Inventori

10 Antara berikut, manakah yang akan direkodkan dalam Akaun Kawalan Belum Bayar?

- I Faedah
- II Hutang lapuk
- III Diskaun diberi
- IV Angkutan masuk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Apakah fungsi imbalan duga?

- A Menyemak ketepatan catatan bergu.
- B Sebagai rujukan pada masa hadapan.
- C Memudahkan penyediaan jurnal dan lejar.
- D Sebagai perwakilan kepada penyata kewangan.

12 Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Fizz Enterprise.

	RM
Untung kasar	27 791
Jumlah belanja	350
Komisen	1 200
Ambilan	800

Maklumat tambahan:

- i) Komisen belum terperoleh berjumlah RM400.

Berapakah jumlah untung bersih?

- A RM26 941
- B RM27 441
- C RM28 241
- D RM29 041

13 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Jaya Maju pada 31 Mac 2025.

	RM
Alatan Pejabat	20 500
Inventori	16 200
Akaun Belum Terima	2 560
Akaun Belum Bayar	3 450
Modal kerja	12 320
Bank (Kredit)	X

Berapakah nilai **X**?

- A RM8 180
- B RM7 730
- C RM4 770
- D RM2 990

- 14 Urusniaga berikut diambil dari Perniagaan Gembira Kaya milik Puan Ramlah.

Mulai 1 April 2024, Puan Ramlah menyewakan sebahagian premisnya kepada Puan Meela sebanyak RM18 000 setahun. Pada akhir tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2024, sewa yang telah diterima hanya untuk suku tahun.

Manakah catatan yang betul?

A

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa	4 500	
Sewa belum terima		4 500

B

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa	9 000	
Sewa belum terima		9 000

C

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa belum terima	4 500	
Sewa		4 500

D

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Sewa belum terima	9 000	
Sewa		9 000

- 15 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Syarikat Annur Berhad pada 31 Disember 2024.

	RM
Akaun Belum Terima	50 500
Hutang Lapuk	1 100
Peruntukan hutang ragu	550

Maklumat tambahan:

- Seorang Akaun Belum Terima telah meninggal dunia dan baki hutangnya RM450 telah dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas baki Akaun Belum Terima.

Berapakah peruntukan hutang ragu pada 31 Disember 2024?

- A RM1 010
B RM1 001
C RM979
D RM968
- 16 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Zam.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	RM
Akaun Belum Terima	6 000
Peruntukan hutang ragu	400

Syarikat telah memutuskan bahawa peruntukan hutang ragu ditetapkan 4% daripada jumlah Akaun Belum Terima. Apakah kesan terhadap hasil dan belanja syarikat?

- A Belanja bertambah RM160
B Belanja berkurang RM240
C Hasil bertambah RM160
D Hasil berkurang RM240

17 Berikut adalah petikan Imbangan Duga Perniagaan Mesra.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2024 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	80 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		15 000

Maklumat tambahan:

- (i) Sebuah van bernilai RM50 000 telah dibeli secara kredit pada 1 Januari 2024.
- (ii) Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun mengikut keadah garis lurus.

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A RM20 500
- B RM23 000
- C RM25 500
- D RM28 000

18 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Sukaria pada 31 Disember 2024.

RM

Alat tulis 1 250

Selepas pelarasan dibuat, didapati sebanyak RM370 alat tulis masih belum digunakan.
Manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga terselaras?

A Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Alat tulis	880	
Inventori alat tulis		370

B Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Alat tulis	880	
Inventori alat tulis	370	

C Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Alat tulis	1 250	
Inventori alat tulis		370

D Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Alat tulis	1 250	
Inventori alat tulis	370	

19 Manakah merupakan kesilapan ketara dalam Imbangan Duga?

- A Penerimaan cek RM800 untuk komisen telah didebitkan ke Buku Tunai dan Akaun Komisen.
- B Akaun Gaji dan Akaun Diskaun diterima terkurang catat sebanyak RM250.
- C Belanja memperbaiki mesin RM1 620 tersilap debit dalam Akaun Mesin.
- D Jualan kepada Aqil RM2 000 tersalah rekod ke dalam akaun Aqilah.

20 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku Teguh Enterprise.

Belian daripada Danish RM1 500 telah tersalah catat dalam Akaun Danisha

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

JURNAL AM

Butir	Debit RM	Kredit RM
Danisha	1 500	
Danish		1 500

B

JURNAL AM

Butir	Debit RM	Kredit RM
Danish	1 500	
Danisha		1 500

C

JURNAL AM

Butir	Debit RM	Kredit RM
Danish	3 000	
Danisha		3 000

D

JURNAL AM

Butir	Debit RM	Kredit RM
Danisha	3 000	
Danish		3 000

21 Manakah yang menunjukkan kemampuan sesebuah perniagaan membayar hutang?

- A Tempoh Pembayaran Hutang
- B Pulangan atas Modal
- C Nisbah Ujian Asid
- D Nisbah Semasa

22 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Hijjaz.

	RM
Jualan	100 000
Pulangan Jualan	10 000
Kos Jualan	40 000
Modal Awal	120 000
Modal Akhir	140 000

Berapakah untung bersih yang perlu dicapai sekiranya ingin mendapat pulangan atas modal sebanyak 20% ?

- A RM 18 000
- B RM 20 000
- C RM 24 000
- D RM 28 000



- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada Restoran Ikan Bakar Awana yang tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Baki pada 1 Januari adalah seperti berikut:

	RM
Perabot	5 000
Akaun Belum Terima	2 500
Akaun belum bayar	1 450
Insurans Prabayar	200
Komisen belum terperoleh	400

Berapakah modal awal?

- A RM 4 450
- B RM 5 850
- C RM 6 250
- D RM 6 650

- 24 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Encik Firash.

	1 April 2024 RM	31 Mac 2025 RM
Akaun Belum Terima	2 550	1 900

Buku Tunai (petikan)

	RM		RM
Jualan	600	Putra Trading	1 800
Syarikat Charlie	2 000		

Berapakah jumlah jualan?

- A RM1 150
- B RM1 350
- C RM1 850
- D RM1 950

- 25 Encik Amir adalah pemilik Kedai Jam RODO. Manakah tujuan beliau membuat kawalan tunai?
- A Memastikan penggunaan tunai yang minimum untuk mendapatkan keuntungan
 - B Memastikan perniagaan mempunyai tunai yang mencukupi
 - C Meningkatkan risiko penyelewengan dan kecurian tunai
 - D Membolehkan perniagaan diurus dengan mudah
- 26 Maklumat berikut diperolehi dari Penyata Bank dan Buku Tunai Perniagaan Wawa.

Penyata Bank bagi bulan April 2025 (petikan)

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2025 April	Cek	001299	3400		14600

Buku Tunai (petikan ruangan bank)

	Tarikh	Butir	No. Cek	Bank RM
	2025 Apr 12	Sewa	001299	4300

Maklumat tambahan:

Cek bernombor 001299 telah tersalah rekod di buku tunai.

Apakah catatan pembetulan yang perlu direkodkan ke dalam Buku Tunai yang dikemas kini?

- A Debit RM900
- B Kredit RM900
- C Debit RM3 400
- D Kredit RM3 400

- 27 Maklumat berikut diperolehi daripada Belanjawan Tunai Perniagaan Zaza bagi bulan Mei 2025.

	RM
Baki b/b	3 000
Jumlah Penerimaan	19 000
Jumlah Pembayaran	9 400

Berapakah baki akhir buku Kedai Zaza?

- A RM6 800
B RM9 600
C RM12 600
D RM13 200
- 28 Ayra dan Alya berkongsi modal masing-masing berjumlah RM60 000 dan RM40 000. Perniagaan tersebut tiada Ikatan Perkongsian. Untung bersih bagi tahun tersebut ialah RM50 000. Berapakah bahagian untung yang akan diterima oleh setiap pekongsi?

	Ayra	Alya
A	RM25 000	RM25 000
B	RM30 000	RM20 000
C	RM50 000	RM50 000
D	RM60 000	RM40 000

- 29 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Arjun, Bala dan Chong. Chong telah membuat ambilan seperti berikut bagi tahun berakhir 30 Jun 2024.

Tarikh	Jumlah RM
1 September 2023	3 000
1 Mac 2024	5 000

Berapakan faedah atas ambilan bagi Chong jika kadar faedah atas ambilan ialah 6% setahun?

- A RM100
- B RM150
- C RM250
- D RM480

- 30 Maklumat berikut dipetik daripada buku Perkongsian Haikal dan Hakim.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2024 (petikan)

	Debit RM	Kredit RM
Pinjaman Haikal		10 000
Faedah atas pinjaman	500	

Maklumat tambahan:

Perjanjian perkongsian menetapkan faedah atas pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.

Manakah catatan yang betul dalam Akaun Semasa Haikal?

A Akaun Semasa Haikal

	RM		RM
		Faedah atas pinjaman	300

B Akaun Semasa Haikal

	RM		RM
		Faedah atas pinjaman	500

C Akaun Semasa Haikal

	RM		RM
		Faedah atas pinjaman	800

D Akaun Semasa Haikal

	RM		RM
		Faedah atas pinjaman	1 300

31 Antara berikut, manakah sebab pembubaran perkongsian?

- I Perniagaan perkongsian mendapat kerugian.
- II Pekongsi membawa masuk modal tambahan.
- III Berlaku kematian kepada salah seorang pekongsi.
- IV Arahan mahkamah untuk membubarkan perkongsian.

.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Juara.

	RM
Jumlah aset (termasuk bank)	120 000
Jumlah liabiliti	18 200
Bank	15 600
Belanja realisasi	3 000

Maklumat tambahan:

- (i) Semua aset direalis pada nilai RM90 400.
- (ii) Liabiliti dijelaskan sepenuhnya dengan cek RM15 000.

Berapakah rugi realisasi?

- A RM10 800
- B RM13 800
- C RM26 400
- D RM29 400

33 Manakah Syarikat Awam Berhad yang tersenarai dalam Bursa Malaysia?

- I Marrybrown Sdn. Bhd.
- II Bank Muamalat Malaysia Berhad
- III Tenaga Nasional Berhad
- IV Suria Jerai Electrical Sdn. Bhd.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Syarikat Garuda Berhad telah menerbitkan 200 000 unit Syer Biasa pada nilai RM1 sesyer dan 50 000 unit 8% Syer Keutamaan pada nilai RM2 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah jumlah modal diterbitkan?

- A RM100 000
- B RM200 000
- C RM250 000
- D RM300 000

- 35 Kelab Perahu Layar mempunyai tunai di tangan pada 1 Julai 2024 sebanyak RM9 550. Berikut merupakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2025 kelab tersebut.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2025

	RM		RM
Yuran ahli	12 000	Kadar bayaran	850
Yuran pertandingan	3 300	Belanja am	520
		Honorarium	2 400

Maklumat tambahan:

- i) Belanja am prabayar berjumlah RM150
- ii) Kadar bayaran belum bayar sebanyak RM270
- iii) Ambilan tunai RM330 belum dicatat dalam mana-mana buku.

Berapakah baki akhir?

- A RM20 750
- B RM21 080
- C RM21 200
- D RM30 870

- 36 Manakah perbezaan yang betul?

	Aspek	Kelab Woodball	Nestle Berhad
A	Tujuan penubuhan	Kebajikan kepada ahli	Menjana keuntungan
B	Sumber kewangan	Pekongsi	Pemegang saham
C	Keuntungan	Aktiviti kelab	Diagih kepada pekongsi
D	Aktiviti utama	Kebudayaan dan sosial	Jualan runcit


37 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Setia Alam.

	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>		
Alatan pejabat	7 800	
Perabot	<u>10 700</u>	
		18 500
<u>Aset Semasa</u>		
Bank	9 200	
Tunai	<u>300</u>	
	9 500	
<u>Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar	3 100	

Berapakah dana terkumpul kelab tersebut?

- A RM21 600
- B RM24 900
- C RM28 000
- D RM31 100

38 Graf Titik Pulang Modal berikut diperoleh daripada sebuah kilang sabun.



Berapakah kos tetap pada tingkat pengeluaran 3 000 unit?

- A RM10 000
- B RM30 000
- C RM40 000
- D RM50 000

- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada Penyata Kos Pengeluaran perniagaan Restoran Ali Maju.

	RM
Kos Y	20 000
Kos Z	7 000
Kos Prima	27 000

Apakah Y dan Z

	Y	Z
A	Bahan mentah	Overhed
B	Bahan mentah	Buruh langsung
C	Overhed	Belanja langsung
D	Buruh langsung	Overhed

- 40 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran kopi oleh Orang Kampung Enterprise.

	RM
Kos tetap	45 000
Harga jualan	8
Margin caruman	5

Berapakah titik pulang modal sekiranya Kos Tetap meningkat sebanyak RM10 000?

- A 5 625
- B 9 000
- C 11 000
- D 15 000

KERTAS SOALAN TAMAT